

JEJAK BUDAYA MASYARAKAT SEREMBAN

1 LIEH SHENG GONG



Lieh Sheng Gong pernah diubahsuai secara besar-besaran pada tahun 1897. Tapak pembinaan tokong telah diusahakan oleh Kapitan Tam Yeong. Reka bentuk tokong ini dipengaruhi senibina bangunan Kantonis. Penganutnya menyembah Panglima Kwan Yu, Wah Kong (dewa puak Kantonis) dan Wah Tuo (Dewa Ubat).

2 PERSATUAN FUI CHIU HUI



Persatuan Fui Chiu Hui (Hakka) Negeri Sembilan mempunyai sejarah lebih dari 100 tahun. Sebelum Pergerakan Dunia Pertama, bangunan ini merupakan sebuah syarikat perniagaan bernama Kong Sang. Ia juga pernah dijadikan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Xun Min yang diasaskan oleh Persatuan Fui Chiu Hui Negeri Sembilan.

3 PERSATUAN HAINAN NS DAN TOKONG TIAN HOU



Persatuan Hainan Negeri Sembilan (dahulu disebut sebagai Keng Chew Wee Kuan Negeri Sembilan) diasaskan pada tahun 1902. Pada awalnya aktiviti persatuan ini berpusat di Tokong Tian Hou. Bangunan dua tingkat ini dibina pada tahun 1976. Sebuah bangunan bertingkat dua dibina di belakang tapak tokong. Bangunan ini berfungsi sebagai pusat kegiatan aktiviti persatuan.

4 PERSATUAN SEI YAP NEGERI SEMBILAN DAN TOKONG MAN CHEONG



Persatuan Sei Yap Negeri Sembilan diasaskan pada tahun 1888. Penganutnya menyembah Dewa Man Cheong (Dewa Pelajaran) di sini.

5 TOKONG TAM GONG



Artifak didalam Tokong Tam Gong telah wujud sejak tahun 1890. Dewa Tam Gong merupakan kepercayaan puak Fui Chew (Hakka) dan mempunyai mitos tersendiri.

7 SEREMBAN METHODIST CHURCH



1916: Blok Utama sekolah ACS didirikan. 1920: Pastor, Ti Ann Jian dan mubaligh Rev. T.W. Bowmar mendirikan Gereja batu bata yang lebih berbentuk ke arah rekaan British. Kos pembinaan RM20,000 ditanggung oleh pemimpin masyarakat Cina, Wong Yek Tong dan Tan See Kee. 1960: Di bawah pimpinan pastor Rev. Fang Chao Hsi, blok tambahan dua tingkat didirikan. Kos pembinaan lebih kurang RM67,000 dibiayai oleh ahli ketiga Gereja.



6 EX-CHINESE YOUTH MISSION SOCIETY



Pada tahun 1915, Pastor Tan Tien Chang dan Ketua Inspektor Polis Seremban, Bailey (seorang Inggeris) serta pemimpin masyarakat Cina tempatan menyewa sebuah rumah kedai di Jalan Yam Tuan. Mereka menggunakan rumah ini sebagai sebuah sekolah yang menempatkan 17 orang murid. Kedai ini kemudiannya digunakan sebagai pejabat dan tapak perhimpunan bagi Persatuan Tiong Hua Negeri Sembilan.

8 KELAB MELAYU SEREMBAN



Kelab Melayu Negeri Sembilan telah diasaskan pada tahun 1918 dan pada awal penubuhannya ia dikenali dengan nama Kelab Maa'mor mengambil nama sempena Pemerintah Sungai Ujong (Undang Luak Sungai Ujong) pada masa itu iaitu Yang Amat Mulia Dato' Kelana Petra Dato' Maa'mor Bin Kassim. Pada tahun 1951, Kelab Maa'mor telah didaftarkan sebagai Persekutuan Persidangan Belia dibawah Ordinan Pertubuhan 1949. Pada tahun 1970, Yang Di Pertua Kelab ke-9, telah Meminda Undang-Undang Tubuh Persekutuan Persidangan Belia dengan menukar nama Persekutuan Persidangan Belia kepada Kelab Melayu Negeri Sembilan dan pindaan tersebut didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Nama Kelab Melayu Negeri Sembilan adalah kekal hingga kini.

9 CEYLONESE SEREMBAN



Persatuan Ceylonese ditubuhkan pada tahun 1904 dengan tujuan menjaga kebajikan komuniti Ceylonese di Negeri Sembilan. Pada 8 Mac 1950, Persatuan Ceylonese Negeri Sembilan didaftarkan secara rasminya dan beroperasi di dewan Vivekananda.

DENAI ROHANI HARMONI



Denai Rohani Harmoni Seremban di Jalan Yam Tuan menunjukkan keunikan masyarakat majmuk di Negeri Sembilan di mana laluan ini terdapat rumah ibadat pelbagai kaum.

Kewujudan ini membuktikan bahawa penduduk berbilang kaum di Negeri Sembilan hidup aman dan damai. Sikap toleransi menjadi tonggak keharmonian dan perpaduan kaum di sini.



PRODUK WARISAN LAIN

MUZIUM NEGERI

Muzium Negeri Sembilan telah ditubuhkan pada tahun 1953 iaitu apabila Yam Tuan ke 8, Tunku Abdul Rahman memberikan kebenaran supaya Istana Ampang Tinggi Kuala Pilah dipindahkan ke Taman Bunga di Jalan Dato' Hamzah, Seremban dan dijadikan sebagai Muzium Negeri. Oleh kerana lokasinya tidak sesuai, Muzium ini telah dipindahkan ke Kompleks Taman Seni Budaya di Jalan Sungai Ujong pada tahun 1984 sehingga sekarang.



ISTANA AMPANG TINGGI

Istana Ampang Tinggi, Kuala Pilah merupakan istana Yamtuan Ulin, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Yang Ke-5 (1861-1869) atau lebih dikenali dengan gelaran Yamtuan Imam. Istana ini siap dibina pada tahun 1865. Tapak asal istana ini terletak di kawasan tanah padi di Kampung Ampang Tinggi, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

RUmah NEGERI SEMBILAN



Menurut catatan juga, sebuah rencana mengenai rumah ini ada tersiar dalam akhbar *The Straits Times* dalam tahun 1979 menyebut tarikh rumah ini dibina kira-kira dalam tahun 1898 Maslhi dengan perbelanjaan RM400 sahaja. Dikatakan juga bahawa rumah ini pernah dirombak dan dibawa oleh pemerintah Inggeris dulu ke London untuk pameran dalam tahun 1924.



CHETTIAR TEMPLE

Kuil Hindu komuniti Chettiar di Seremban terletak di Jalan Temiang, Seremban. Ia memiliki gerbang lengkung dengan patung-patung berwarna-warni di atasnya. Nama rasminya adalah Kuil Sri Selva Vinayagar.

TOKONG THEN TZE KHOON

Tokong Then Tze Khoo terletak di puncak Bukit Jong sekitar 127 meter di atas permukaan laut. Tokong ini berusia lebih dari 140 tahun dan keindahan menarik pengunjun dari seluruh Malaysia dan sekitarnya. Mempunyai 264 anak tangga untuk naik ke atas.



SUNGEI UJONG WALK

Sungei Ujong Walk juga dikenali sebagai Singapore Street di kalangan masyarakat setempat. Kawasan ini menjadi tumpuan masyarakat untuk memperoleh keperluan barangan dapur dengan harga berpatutan. Kini, Sungai Ujong Walk terkenal juga dengan deretan gerai-gerai makanan yang dibuka setiap hari bermula jam 6 petang.

BENTENG WALK

Pada Jun 1983, Majlis Perbandaran Seremban (MPS) telah membuka pasar malam atau "Street Market" yang pertama di Negeri Sembilan yang terletak di tengah-tengah bandar Seremban iaitu di Jalan Tunku Hassan. Kini ia dikenali sebagai Benteng Walk yang beroperasi di Jalan Dato' Abdul Rahman setiap hari bermula dari 5 petang sehingga larut malam. Pelbagai pilihan makanan tempatan ada dijual di sini.



MEMORI SEREMBAN



PERHENTIAN BAS SEREMBAN 1950an



PEJABAT KERAJAAN, 1894



STESAN KERETA API, 1894



MASJID JAMEK SEREMBAN

PENGENALAN JEJAK WARISAN SEREMBAN

Jejak Warisan Seremban merupakan satu projek pemeliharaan dan pemuliharaan Warisan yang terdapat di dalam Bandar Seremban. Projek ini dikelola oleh pihak Majlis Perbandaran Seremban dengan kerjasama Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan pihak swasta. Projek Jejak Warisan Seremban ini merupakan salah satu inisiatif yang terkandung di dalam Plan Pembangunan dan Strategik Pelancongan Seremban 2018-2023. Berikut merupakan objektif di dalam Projek Jejak Warisan Seremban:

- Melindungi dan memelihara keunikan warisan yang terdapat di Bandar Seremban untuk generasi akan datang.
- Meningkatkan imej kawasan warisan Seremban dan mempromosikan Jejak Warisan dan Makanan sebagai sumber tarikan pelancongan.
- Mewujudkan peluang perekonomian kepada penduduk yang terdapat disekitarnya.
- Melahirkan semangat Cintaikan Negara dan berbangga menjadi Warganegarannya.

Diharapkan melalui projek ini dapatlah bersama masyarakat di daerah Seremban saling menghargai, bekerjasama dan berbangga dengan keunikan Warisan dan Budaya yang terdapat di daerah Seremban.

JATA NEGERI SEMBILAN

Lambang / Jata ini merupakan sebuah perisai dengan sembilan tangkai padi yang memberi makna percantuman sembilan buah negeri dan bintang berbucu sembilan di bawahnya membawa maksud yang sama.

Di atas perisai ini bersilang sebilah pedang yang terhunus dengan sarungnya dan di antara pedang dan sarungnya terhunus sebilah mata tombak dan di tengahnya "Changgai Putri" yang merupakan cogan besaran peribadi Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Warna Perisai tersebut adalah warna Merah, Hitam dan Kuning iaitu menyamai warna Bendera Negeri Sembilan.

SEJARAH BANDAR SEREMBAN


Bandar Seremban muncul seperti mana bandar-bandar lain di negara ini iaitu di sekitar tahun 1870-an dan dipercayai bermula apabila kawasan di sekitar Rasah didapati kaya dengan hasil bumi iaitu bijih timah. Apabila ia mengalami kemasukan penduduk (migrasi) yang pesat terdiri dari orang-orang Cina, Arab dan juga orang-orang Melayu dari tempat lain, Seremban bukan sahaja menjadi pusat melombong bijih timah tetapi juga pusat perdagangan. Peniaga-peniaga pada masa itu menggunakan Sungai Linggi sebagai laluan pengangkutan perdagangan mereka manakala penduduk Melayu tempatan di kawasan ini kebanyakannya adalah petani.

PERALATAN PERLU DIBAWA SEMASA LAWATAN

Pakai pakaian dan kasut yang selesa, bawa topi, payung, air minuman dan kamera semasa lawatan.



JEJAK MEMORI BANDAR LAMA SEREMBAN



PASAR BESAR SEREMBAN
Lokasi masyarakat untuk memperoleh keperluan harian. Dibuka setiap hari seawal jam 4 pagi setiap hari.



MASJID JAMEK
Masjid ini dibina pada tahun 1900, yang merupakan antara masjid tertua di Negeri Sembilan. Masjid ini telah didaftarkan sebagai Bangunan Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.



BANGUNAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG
Bangunan Jalan Campbell telah diambil alih menjadi Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan sehingga ke hari ini.



BANGUNAN SAINS
Bangunan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS). Ia terletak di Jalan Dato' Bandar Tunggal, di sini dan dibina sekitar tahun 1920-an.



TOKONG LIT SENG GONG
Tokong Lit Seng Gong pernah diubahsuai secara besar-besaran pada tahun 1897. Reka bentuk tokong ini, dipengaruhi senibina bangunan Kantonis.



BANGUNAN BSN
Dahulunya merupakan pusat pentadbiran Majlis Bandar Seremban pada tahun 1960-an dan kini merupakan Bangunan Bank Simpanan Nasional.



BALAI POLIS SEREMBAN
Bangunan menempatkan Perniagaan Ban Joo Lee Sdn Bhd pada suatu ketika dulu pernah dijadikan balai polis selama hampir 20 tahun.

DISEDIAKAN OLEH



DITAJA OLEH



YB NICOLE TAN LEE KOON
ADUN BUKIT KEPAYANG

DENGAN KERJASAMA



Sekalung penghargaan kepada pihak yang merealisasikan Jejak Warisan Seremban ini secara langsung dan tidak langsung.

[Pesona Seremban](#)
[Pesona_Seremban](#)
pesonaseremban@gmail.com

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Unit Pelancongan, Majlis Perbandaran Seremban,
Wisma Bandar Raya, Lot. 24392, Persiaran Forest Heights 1,
Jalan Seremban - Tampin, 70450 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel: 06-765 4333



Scan me!

JEJAK Warisan Seremban

Tak di sangko, semua ada!



STESEN KERETA API SEREMBAN



Stesen kereta api Seremban dibina antara 1904 hingga 1910 dengan kos sebanyak RM26,000.00. Kemudian, Keretapi Tanah Melayu mengambil alih tanggungjawab mengelola semua landasan di Malaya pada tahun 1948. Stesen ini terus menawarkan layanan kereta api antara bandar di sepanjang Jalur Utara-Selatan serta menawarkan perkhidmatan pengirim barang.

0 KM



Monumen KM 0 ini merupakan asas pengukuran jarak Jalan Persekutuan. Laluan 1 dari Seremban ke Gemas dan Seremban ke Kuala Lumpur (Jalan Lama), Laluan 11 bagi Jalan Bahau ke Keratong, Laluan 51 dari Seremban ke Kuala Pilah, Laluan 86 dari Seremban ke Kuala Klawang-Simpang Pertang dan Laluan 97 dari Paroi ke Senawang seperti yang telah diwartakan di dalam Warta Kerajaan pada 19 Oktober 1989.

KUIL SRI BALATHANDAYUTHAPANI



Kuil Sri Balathandayuthapani dibina pada tahun 1895 di atas sebidang tanah yang disumbangkan oleh kaum Chettiar. Kuil ini merupakan 17 bangunan yang wujud pada tahun tersebut.

GALERI DIRAJA TUNKU JA'AFAR



Galeri Diraja Tuanku Ja'afar diberi nama bagi mengenang jasa DYMM Almarhum Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman adalah sebuah galeri yang dibangunkan untuk menyalurkan maklumat institusi Diraja Negeri Sembilan kepada pengunjung. Pelbagai aktiviti kemasyarakatan, kebudayaan, kesenian dan pelancongan juga diadakan di sini.

PEJABAT DAERAH & JABATAN UKUR



Bangunan bekas Pejabat Daerah dan Jabatan Ukur ini dibina pada tahun 1912. Bangunan ini dijadikan kediaman pegawai British semasa zaman pentadbiran Kapten Murray. Bangunan ini mempunyai ciri-ciri senibina kolonial dengan dua aras ketinggian yang menggunakan batu-bata merah dan lantai di aras duanya menggunakan kekemasan kayu. Bangunan ini dipengaruhi oleh seni bina *Palladian Architecture* dan *Victorian Neo-Renaissance*.

PEJABAT SUK LAMA NEGERI SEMBILAN



Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) lama (White House) yang terletak di Jalan Dato' Hamzah mula dibina pada tahun 1912 oleh Arthur Benison Hubback. Bangunan ini berbentuk memanjang dan beranjung serta mempunyai ciri-ciri reka bentuk bangunan British. Bangunan ini dahulunya merupakan pejabat SUK Negeri Sembilan bermula tahun 1914 hingga 1987 dan pernah melalui era peperangan iaitu Perang Dunia Pertama, Perang Dunia ke-2 dan darurat.



MASJID NEGERI



Masjid Negeri siap di bina pada tahun 1966 dan dirasmikan oleh Almarhum Tuanku Jaafar Al-Haj ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman pada 24 November 1967. Reka bentuk masjid ini dipengaruhi reka bentuk ciri-ciri minangkabau. Bentuk bumbung berpaksikan 9 tiang melambang ada 9 daerah di Negeri Sembilan.

TAMAN TASIK SEREMBAN



Taman tasik ini merupakan salah satu daripada taman tasik semulajadi yang tertua di Malaysia yang wujud pada tahun 1900. Ianya menjadi tempat beriadah seisi keluarga masyarakat setempat. Pelbagai kemudahan yang ada di sini antaranya trek larian, Taman Orkid, restoran, tandas awam, tempat permainan kanak-kanak dan sewaan basikal.

POKOK GETAH TERTUA DI NEGERI SEMBILAN



Pokok getah yang mempunyai lilutan batang sepanjang 3.5 meter dan berketinggian 25 meter ini dianggarkan berusia lebih 120 tahun. Pokok berkenaan dipercayai ditanam oleh pelopor industri getah di negara ini iaitu Sir Henry Nicholas Ridley. Pokok getah yang hidup di sebelah Galeri Diraja itu merupakan salah satu daripada 22 anak benih yang dibawa dari Kew Gardens, England pada tahun 1877.

ISTANA HINGGAP



Istana Hinggap ini dahulunya merupakan kediaman DYMM Almarhum Tuanku Ja'afar Al-Haj ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman. Bangunan ini dijadikan Istana Hinggap Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan sehingga kini.

DEWAN UNDANGAN NEGERI



Bangunan ini telah dibuka dengan rasminya pada 26 September 1987 oleh DYMM Tuanku Ja'afar Al-Haj ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Bangunan ini merupakan lokasi bagi persidangan Dewan Undangan Negeri dalam menggubal perundangan berhubung dasar-dasar utama, perbelanjaan kerajaan dan perbincangan perkara umum fungsi jabatan.

CHURCH OF THE VISITATION



Gereja ini merupakan gereja tertua di Seremban dan dibina pada tahun 1885 untuk komuniti Katolik yang semakin bertambah. Gereja ini terletak di pusat bandar Seremban.

RUMAH IBADAT KAUM SIKH (GURDWARA)



Pada tahun 1881, pasukan polis yang terdiri daripada 75 orang berbangsa Sikh di bawah pimpinan W. W. Douglas ditempatkan di Sungai Ujong. Sekitar tahun 1900, orang-orang Sikh membina Sikh Gurdwara Sahib pertama di Jalan Yam Tuan, Seremban.

DEWAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN



Dewan Majlis Perbandaran Seremban telah dibina sejak 3 dekad yang lalu. Ia dibina pada tahun 1987 dan telah dirasmikan pada 8 Mac 1989. Bangunan ini merupakan tempat pihak berkuasa tempatan bermesyuarat berkaitan pembangunan perbandaran di daerah Seremban. Senibina bangunan ini dipengaruhi oleh senibina Minangkabau. Sehingga kini bangunan ini tersergam indah dan menjadi kebanggaan masyarakat di bandar Seremban.

DATARAN SEREMBAN



Dataran Seremban yang menghiasi pintu masuk utama ke bandar Seremban kini menjadi kawasan tumpuan pengunjung yang popular. Dataran ini dahulunya merupakan bekas tapak padang Sekolah Convent, Seremban.

BANGUNAN BSN SEREMBAN



Pada tahun 1897 bangunan ini merupakan Pejabat Lembaga Pembersihan dan Jabatan Agama Negeri. Semasa kepundudukan Jepun bangunan ini merupakan Pejabat Risikan Polis (*KEMPEITAI*) dan diambil alih oleh pihak berkuasa tempatan selepas Perang Dunia ke-2. Bangunan ini dahulunya pernah dijadikan Pejabat Majlis Bandar Seremban (MBS) dan Majlis Perbandaran Seremban (MPS). Kini bangunan ini telah dijadikan Ibu Pejabat Bank Simpanan Nasional Negeri Sembilan.

BANGUNAN SAINS



Bangunan ini dibina dalam tahun 1920-an. Ia dijadikan sebagai balai bomba yang berada dibawah pentadbiran *Inspectorate of Fire Services*. Pada tahun 1994, bangunan ini diubahsuai dan dijadikan sebagai bangunan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS).

MASJID JAMEK SEREMBAN



Masjid ini telah dibina semula pada tahun 1900 di atas tapak masjid asal yang dibina daripada kayu. Ia juga merupakan antara masjid tertua di Negeri Sembilan dan telah didaftarkan sebagai Bangunan Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

BANGUNAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG



Bangunan ini dibina semasa era pemerintahan British yang digunakan sebagai *Mess* dan Kelab Pegawai British. Bangunan ini bercirikan konsep "*Neo-Classical Building*". Bangunan di Jalan Campbell ini telah diambil alih menjadi Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan sehingga ke hari ini.

BALAI POLIS LAMA SEREMBAN



Bangunan ini telah wujud sejak 1927 dan pernah dijadikan balai polis selama hampir 20 tahun. Kini bangunan ini telah diambil alih oleh Perniagaan Ban Joo Lee Sdn Bhd. Usia bangunan ini hampir mencecah 100 tahun.

SMK KING GEORGE V



SMK King George V (*Government English School*) dilancarkan pada 15 Januari 1923 di dalam sebuah bangunan stesen kereta api. Pada 7 Oktober 1926, bangunan utama sekolah ini mula dibina dan telah dirasmikan oleh W.G. Ormsby Gore pada 23 April 1928. SMK KGV pernah dijadikan sebagai hospital pada zaman pemerintahan Jepun. Bilik dewan utama sekolah pernah dijadikan bilik penyeksaan oleh askar Jepun.